

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023**

**HARI RABU : 22 FEBRUARI 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 13 HINGGA NO. 55 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina lebih banyak kemudahan bangunan sekolah di kawasan Parlimen Julau.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Julau, Sarawak.

Pada masa kini, terdapat sebanyak tiga buah sekolah menengah dan 39 buah sekolah rendah di dalam Parlimen Julau. KPM sentiasa akan memastikan bangunan sekolah adalah mencukupi. Antara usaha yang diambil oleh pihak KPM adalah melalui penambahan bangunan tambahan di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah mengemukakan permohonan pembinaan bangunan tambahan atau gantian di SMK Julau dan SMK Pakan, Julau, Sarawak dalam RMKe-12 *Rolling Plan 3 (RP3)* Tahun 2023. Di samping itu, KPM akan turut mengemukakan permohonan pembinaan bangunan tambahan secara berfasa kepada kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Walau bagaimanapun kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB  
AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilakukan untuk membantu ibu-ibu yang terpaksa menyara keluarga akibat suami yang menjalani hukuman penjara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga mereka mampu untuk keluar daripada kemiskinan ke arah hidup berdikari.
2. Bagi ibu-ibu yang terpaksa menyara keluarga akibat suami yang menjalani hukuman penjara, mereka boleh diberikan perkhidmatan dan skim bantuan yang bersesuaian mengikut syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Antara bantuan yang boleh dipertimbangkan adalah:

i. **Bantuan Kanak-Kanak (BKK):**

Bantuan dengan kadar minimum RM150 hingga maksimum RM1,000 sebulan satu (1) keluarga ini diberikan bagi membantu keluarga/anak-anak yang tiada penjaga atau kehilangan penjaga supaya dapat terus tinggal bersama keluarga dan meneruskan kelangsungan hidup tanpa menjaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.

ii. **Bantuan Am Persekutuan (BA):**

Bantuan dengan kadar minimum sebanyak RM100 sebulan seorang dan maksimum sebanyak RM350 sekeluarga diberikan kepada individu / keluarga kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

iii. **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar:**

Bantuan dengan kadar RM500 sebulan ini diberikan kepada penjaga bagi tujuan meringankan beban keluarga/ penjaga di samping menggalakkan keluarga/ penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang OKU terlantar/ sakit terlantar/ sakit kronik.

iv. **Bantuan Anak Pelihara (BAP)**

Bantuan dengan kadar RM250 sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500 sebulan bagi yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih ini bertujuan membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik atau yatim / yatim piatu supaya dapat terus tinggal dalam masyarakat/keluarga pelihara dan menjalani kehidupan dengan sempurna. Seramai **438 penerima** telah mendapat manfaat dan sebanyak **RM1.8 juta** peruntukan telah disalurkan sehingga **pada tahun 2022.**

3. Selain daripada bantuan kewangan, KPWKM turut menyediakan **Perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling** yang boleh dimanfaatkan oleh para ibu yang menghadapi tekanan emosi dan masalah keluarga serta terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga juga disediakan. Sesi intervensi psikologi dan kaunseling juga diberikan kepada anak-anak yang menghadapi masalah bagi membantu mereka memiliki daya tahan yang tinggi dalam meneruskan kehidupan.

4. Disamping itu, JKM juga mempunyai **85 orang pegawai kader yang ditempatkan di Pusat-Pusat Koreksional di bawah Jabatan Penjara Malaysia** yang boleh menjadi penghubung di antara kes yang memerlukan bantuan JKM. Maklumat anggota keluarga banduan yang memerlukan bantuan dan sokongan akan disalurkan kepada JKM di daerah berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan bantuan yang bersesuaian mengikut syarat dan kelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [ TAPAH ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI M. SARAVANAN [ TAPAH ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah subsidi sektor padi pada tahun 2021 dengan pecahan kepada skim-skim yang berkaitan. Berapa jumlah yang dibayar terus kepada pesawah padi.

**JAWAPAN**

**TUAN YANG DI PERTUA,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion bagi menampung keperluan subsidi dan insentif industri padi dan beras negara. Sebanyak RM960 juta diperuntukkan untuk pemberian input pertanian meliputi Skim Baja Padi Persekutuan (SBPKP), Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB). Manakala RM570 juta diperuntukkan untuk pemberian output pertanian iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSH) yang mana pesawah telah diberikan insentif sebanyak RM360 bagi setiap tan metrik berat bersih padi yang dijual di kilang-kilang yang berdaftar.

Pada tahun yang sama, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM65 juta bagi menampung keperluan program SSH yang mana hasil pengeluaran padi adalah sebanyak 1.77 juta tan metrik. Peruntukan tambahan ini meliputi keseluruhan 115,508 pesawah yang berdaftar dengan BERNAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana perkembangan dan kemajuan industri pelancongan berasaskan *motorhome, camper van, caravan* di negara ini. Kerajaan hendaklah menyediakan tapak perkhemahan motorhome yang lengkap dengan fasilitinya di setiap daerah untuk merancakkan industri pelancongan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa menerokai produk/aktiviti baharu yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai produk/aktiviti pelancongan dalam memberi nilai tambah dan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk mengadakan kerjasama rapat dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam usaha menyediakan kemudahan infrastruktur dan prasarana asas untuk pelancong dalam memastikan standard serta kualiti perkhidmatan sentiasa pada tahap yang tertinggi.
2. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sedang mempelopori pembangunan industri *caravan* (*Recreational Vehicle – RV*) di Malaysia. Beberapa siri mesyuarat, bengkel dan perbincangan telah dilaksanakan bagi membincangkan pelbagai isu terutama melibatkan pendaftaran jenis RV di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan kemudahan prasarana/tapak perkhemahan RV di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.
3. Sehubungan itu, Kementerian ini akan memberikan kerjasama dan sokongan yang sewajarnya bagi menjayakan pembangunan industri RV di negara ini dalam tempoh jangka masa pendek merangkumi pembangunan pakej pelancongan dan promosi kenderaan RV sebagai produk pelancongan baharu. Bagi tujuan pelaksanaan dalam jangka masa sederhana dan panjang pula, kementerian akan menyediakan garis panduan penarafan bintang kepada tapak kemudahan RV dan juga kenderaan RV yang dimiliki oleh agensi pelancongan berdasarkan kepada fasiliti yang ditawarkan. Pelaksanaan industri *caravan* ini tertakluk kepada persediaan semua kemudahan asas oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara menyeluruh dan memperoleh persetujuan/kelulusan pelaksanaan daripada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peruntukan PENJANA sebanyak RM7.32 juta yang telah dibelanjakan bagi tahun 2020 telah memberi manfaat kepada 13,524 individu dan 632 komuniti:

- (a) berapa ramaikah yang masih terus bercucuk tanaman di bandar dan di pinggir bandar. Apakah aktiviti atau kempen yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk memastikan Program Pertanian Bandar ini berjaya; dan
- (b) apakah peruntukan-peruntukan dan program khas yang disediakan untuk membantu masyarakat bandar untuk terus bercucuk tanam.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 2014 sehingga 2022, Program Pertanian Bandar/ Komuniti telah memanfaatkan seramai 212,263 orang melibatkan 65,722 individu, 56,700 komuniti, 62,607 sekolah serta 27,234 institusi. Daripada pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian, dianggarkan lebih kurang 148,585 penerima manfaat ini masih terus bercucuk tanam terutama peserta-peserta di bawah kategori komuniti. 63,678 daripada penerima manfaat terutama kategori individu tidak meneruskan aktiviti ini kerana kekangan masa dan ruang dalam meneruskan aktiviti pertanian bandar disebabkan mereka telah kembali kepada aktiviti ekonomi sebelum pandemik.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh MARDI, didapati bahawa aktiviti pertanian komuniti mampu mengurangkan kos sara hidup melalui penjimatan perbelanjaan dapur. Penjimatan dari segi kos ke kedai dan masa perjalanan juga berlaku walaupun tidak diukur secara kuantitatif. Aktiviti pertanian komuniti juga dapat meningkatkan interaksi sosial dikalangan komuniti setempat justeru menjalinkan kemesraan dan semangat kejiranan yang tinggi.

Bagi menjayakan konsep ini, beberapa kaedah pembangunan pertanian yang sesuai telah dilaksanakan di kawasan yang terhad seperti kebun komuniti, laman dapur, kebun/laman institusi, *edible landskap*, mini fertigasi dan *vertical farming*. Selain itu, bagi memastikan Program Pertanian Bandar ini berjaya dan menggalakkan lebih ramai menceburi bidang pertanian bandar/komuniti, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

- a) Menjalankan aktiviti pengembangan seperti kursus dan latihan khusus diberikan secara *hands on* kepada peserta bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan dikembangkan kepada seluruh komuniti di Malaysia;

- b) Menjalankan promosi aktiviti-aktiviti pertanian bandar melalui media massa dan media sosial seperti Facebook dan Youtube;
- c) Menganggotai jawatankuasa komuniti yang menjalankan aktiviti pertanian bandar dan menubuhkan whatsapp group komuniti untuk hubungan dua hala antara Jabatan dan komuniti; dan
- d) Melaksanakan aktiviti tambah nilai seperti penghasilan kompos daripada sisa dapur dan sisa tanaman serta penghasilan produk hiliran juga dilaksanakan bagi menjana pendapatan daripada aktiviti di sepanjang rantaian nilai.

Pelaksanaan Program Pertanian Bandar/Komuniti menerima peruntukan sebanyak RM 50 Juta di bawah RMK12 bagi untuk tempoh selama 5 tahun (2021 hingga 2025). Antara bantuan/incentif yang diberikan di bawah program ini adalah:

- (i) Bahan input seperti baja, biji benih, media tanaman – tanah campuran, sabut kelapa dan *peatmoss*;
- (ii) Peralatan kecil pertanian seperti *planter box*, *raised bed*, pasu panjang, mesin pembuatan kompos dan peralatan berkebun; dan
- (iii) Sistem tanaman tanpa tanah seperti Hidropistik (Sistem Fertigasi titis, sistem Nutrient Film Technique (NFT) dan sistem *Deep Flow Technique* (DFT) menggunakan Solar Panel.

Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Jun 2022 telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi pelaksanaan Program Kebun Komuniti dan melibatkan tiga sub sektor utama iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : KAPTEN ZAHARI BIN HASAN**  
**[PADANG RENGAS]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**KAPTEN ZAHARI BIN HASAN [ PADANG RENGAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan Skim Bantuan Pendapatan Asas yang dikreditkan secara automatik setiap bulan kepada semua isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,208 sebulan untuk menghapuskan kemiskinan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat mengambil berat akan kebijakan semua golongan dan lapisan masyarakat terutamanya golongan B40. Bagi **tahun 2022**, Kerajaan telah menyalurkan **8 bilion ringgit** bagi pelaksanaan bantuan tunai langsung kepada **8.7 juta penerima** yang bertujuan untuk meringankan kos sara hidup dan beban kewangan rakyat pasca pandemik.

Bagi tahun 2023 pula, Kerajaan telah memperkenalkan Sumbangan Tunai Rahmah atau STR yang menekankan pendekatan Rahmah dalam membela nasib kumpulan kurang berkemampuan terutamanya golongan rentan dan mudah terjejas. Melalui STR juga, **8.7 juta penerima** golongan B40 dengan pendapatan bulanan di bawah 5,000 ringgit telah menerima **pembayaran fasa pertama** dengan implikasi kewangan bernilai **1.67 bilion ringgit** mulai 17 Januari 2023 yang lalu.

Di samping itu, selain STR, Jabatan Kebajikan menyediakan skim bantuan kanak-kanak sehingga RM1,000 tiap bulan kepada keluarga miskin. Skim tersebut merangkumi mereka yang berpendapatan di bawah PGK (pendapatan garis kemiskinan) makanan, iaitu RM1,169 sebulan.

Kerajaan komited dalam memastikan bantuan tunai langsung terus disalurkan kepada golongan sasar dalam mendepani cabaran kos sara hidup. Setiap manifesto daripada parti politik yang membentuk Kerajaan Persekutuan pada hari ini akan diperhalusi sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan. Sebarang ketetapan bagi pelaksanaan bantuan tunai langsung dalam usaha menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat akan diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2023 yang dijadualkan pada 24 Februari 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Pelan Strategik Lembaga Lebuhraya Malaysia 2021 - 2025 akan dikaji semula memandangkan pembinaan lebuh raya bertingkat bertol di bandar tidak digalakkan dan patut digantikan dengan mod alternatif, iaitu sistem pengangkutan awam yang lebih berkesan dan holistik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah berdasarkan kepada *Highway Network Development Plan* (HNDP) yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya di mana ianya merujuk kepada data trafik semasa lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi. HNDP adalah pelan induk infrastruktur jalan raya/ lebuh raya nasional bertujuan bagi membangunkan rangkaian jalan dan lebuh raya negara yang melengkapkan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara serta menyasarkan kepada peningkatkan kecekapan dan kesalinghubungan terhadap rangkaian jalan dan lebuh raya di negara ini.

Walau bagaimanapun, perancangan berkaitan pembinaan lebuh raya bertingkat bertol di bandar adalah merupakan cadangan daripada pihak swasta dan tertakluk kepada kelulusan dan perancangan daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan KPKT merupakan antara Kementerian dan agensi yang terlibat dalam perancangan di peringkat Majlis/ Dewan Bandar Raya dan Majlis Perbandaran. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan KPKT amnya turut terlibat dalam menyelaras Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dari segi penyeragaman dasar dan perundangan, memberi khidmat nasihat termasuk khidmat nasihat teknikal dan penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan kesejahteraan bandar yang inovatif, strategik dan inklusif melalui peningkatan sosio-ekonomi dan penyertaan komuniti. Justeru, penyediaan hubungan pengangkutan yang strategik dan bersepadu berupaya merangsang aktiviti ekonomi bandar dan luar bandar. Berdasarkan kepada hala tuju Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) iaitu memastikan hubungan jalan raya yang bersepadu

dan menyeluruh bagi meningkatkan ketersambungan antara wilayah, kawasan pertumbuhan (konurbasi dan pusat katalis), bandar dan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya saing.

Dalam hal ini, penyediaan hubungan pengangkutan strategik dan bersepadu akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh yang demikian, RFN4 telah menggariskan tindakan-tindakan berkaitan cadangan pengukuhan rangkaian dan perhubungan pengangkutan jalan raya di bawah Strategi PD 3.1 seperti berikut:

- 1) memastikan ketersambungan jalan raya antara wilayah secara menyeluruh dan berkualiti;
- 2) memastikan cadangan hierarki jalan raya yang sesuai;
- 3) menambahbaik akses jalan raya di kawasan luar bandar;
- 4) memastikan jalan raya ditambahbaik dan diselenggara mengikut jadual; dan
- 5) meningkatkan penggunaan teknologi pintar dalam pengurusan trafik.

Selain itu, RFN4 juga turut memberi penekanan kepada pengukuhan perkhidmatan pengangkutan awam (Strategi PD 3.3 – Memperkuuh Perkhidmatan Pengangkutan Awam Untuk Mencapai Modal Split) melalui penyediaan pelbagai mod pengangkutan dalam sebuah sistem pengangkutan yang berintegrasi bagi mencapai split yang ditetapkan. Penetapan sasaran modal split yang cenderung ke arah peningkatan penggunaan pengangkutan awam bukan hanya akan memanfaatkan rakyat, malah menyokong kepada peningkatan produktiviti negara.

Pada masa kini, pencapaian modal split sedia ada di kawasan bandar yang telah mempunyai infrastruktur rel dan bas menunjukkan pertumbuhan yang positif. Pertumbuhan ini boleh dilimpahi ke kawasan sekitarnya sekiranya pendekatan yang betul diambil. Tindakan-tindakan yang telah digariskan di bawah strategi ini adalah bertujuan untuk memperluas jaringan rel dalam bandar, memastikan sokongan “*first and last mile*” bagi mengintegrasikan pengangkutan awam, meningkatkan perkhidmatan bas bagi bandar-bandar utama dan memanfaatkan penggunaan teknologi moden dalam melancarkan perjalanan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, perancangan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Sebagai contoh, perancangan rangkaian jalan dan lebuh raya bagi Bandaraya Kuala Lumpur adalah berdasarkan kepada Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL2020). Antara inisiatif utamanya adalah mewujudkan fungsi hierarki jalan di mana lebuh raya dalam Kuala Lumpur tidak digalakkan memandangkan keutamaan masa kini adalah lebih kepada infrastruktur pengangkutan awam. Pelaksanaan ini turut diteruskan melalui Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang sedang dirangka oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mana mengehadkan keperluan pembinaan lebuh raya baharu di Kuala Lumpur dengan mengambil kira langkah-langkah berikut:

- i) membenarkan hanya jalan yang tidak bersambung (*missing links*) bagi melengkapkan jaringan jalan raya; dan
- ii) membenarkan hanya penyambungan antara lebuh raya ke lebuh raya bagi tujuan penyuraian dan kelancaran trafik.

Kementerian Kerja Raya menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia selaku agensi teknikal sentiasa membantu agensi-agensi yang berkaitan di dalam menyelaras dan mengkoordinasikan keperluan sistem

pengangkutan awam dan lebuh raya samada di peringkat perancangan, pembinaan dan juga lebuh raya yang sedang beroperasi. Ini adalah bertujuan bagi memastikan sistem pengangkutan awam dan lebuh raya dapat diintegrasikan dan saling melengkapi seterusnya akan dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan dan membentuk jaringan infrastruktur yang terbaik kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
[ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan dasar penyewaan tanah kerajaan untuk tujuan pertanian:

- (a) adakah dasar ini masih lagi diteruskan; dan
- (b) adakah terdapat insentif yang akan diberikan kepada pengusaha/ penyewa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, segala urusan penyewaan tanah Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) adalah tertakluk kepada Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 1/2013 – Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/ Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis) yang dikeluarkan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) berkuatkuasa pada 24 April 2013;

Berdasarkan arahan tersebut, semua urusan penyewaan tanah milik Persekutuan yang masih lagi kosong atau belum dibangunkan diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), manakala permohonan penyewaan bagi ruang bangunan (Premis) diproses oleh Kementerian/Jabatan Pengguna.

Bagi memberi peluang kepada peserta Program Inkubator di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memulakan perniagaan, penternakan atau pertanian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) melalui surat bertarikh 7 Mei 2019 telah memberi kelulusan dasar pengecualian bayaran sewa selama enam (6) bulan kepada peserta yang mengikuti Program Inkubator sahaja dan tidak bagi lain-lain program di bawah KPKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mewujudkan satu jawatan Pembantu Pengurusan Murid bagi menangani isu beban tugas guru sama ada secara tetap atau kontrak terutama melibatkan tugas-tugas *non-academic* seperti perekodan dan pengisian data, pengurusan sukan dan kokurikulum dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) telah diwujudkan pada tahun 2003 untuk melaksanakan fungsi membantu guru prasekolah di kelas-kelas prasekolah di bawah kelolaan KPM selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2003. Fungsi utama skim perkhidmatan ini adalah khusus dalam membantu guru dalam pengurusan kelas prasekolah dan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) serta mengasuh MBPK di asrama sekolah pendidikan khas atau asrama desa. Oleh itu, skim perkhidmatan PPM tidak sesuai untuk menjalankan tugas-tugas perkeranian dan perekodan data.

Walau bagaimanapun, KPM telah memperkenalkan tujuh langkah segera bagi menangani isu beban tugas guru seperti yang dimaklumkan dalam Kenyataan Media KPM: Pelaksanaan Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru bertarikh 17 Februari 2023. Tujuh langkah tersebut yang turut terkait rapat dengan tugasan seperti perekodan dan pengisian data, pengurusan sukan dan kokurikulum adalah:

- i. memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberikan impak besar terhadap pembelajaran murid dan hanya menambahkan beban tugas guru;
- ii. mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang melibatkan guru kepada setahun sekali sahaja;
- iii. menetapkan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang bagi mengelakkan kesesakan dalam sistem;

## **SOALAN NO : 21**

- iv. pelantikan pengawas peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) terbuka kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tetapi perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan;
- v. mengehadkan penganjuran sambutan Hari Guru Tahunan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja;
- vi. menetapkan ringkasan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) di peringkat KPM bagi memastikan kembali memenuhi keperluan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.3/1999, yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi; dan
- vii. memperkuuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

KPM sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ONN BIN ABU BAKAR [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat usaha mengecilkan bilangan IPGK dengan menggantikannya dengan menubuhkan Kolej Vokasional (KV) dan tindakan ini telah diberhentikan. KV yang baru ditubuhkan ini sehingga kini masih beroperasi di bawah kapasiti sebenarnya. Begitu juga dengan beberapa buah lagi KV yang baru dan lama ditubuhkan. Ini merupakan suatu pembaziran. Apakah tindakan KPM sehingga kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persidangan Meja Bulat YB Menteri Pendidikan pada 7 September 2018 telah mengumumkan bahawa 10 kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) akan dioptimumkan penggunaannya menerusi pelaksanaan guna sama dengan institut pendidikan lain. Keputusan pewujudan guna sama ini turut dilihat sebagai satu langkah penjimatan dengan mengoptimumkan penggunaan institusi pendidikan bawah KPM sepenuhnya. Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperluaskan akses pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET) berdasarkan permintaan setempat.

Pada masa kini, KPM telah memutuskan agar pewujudan guna sama diteruskan di tiga kampus IPG. Kampus IPG yang masih dikekalkan pewujudan guna sama sehingga kini adalah IPGK Tun Hussein Onn (IPGKTHO) dan Kolej Vokasional Tun Hussein Onn (KVTHO), IPGK Raja Melewar dan Kolej Genius@Permata Pintar serta IPGK Tawau dan Politeknik Tawau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar di IPGKTHO diteruskan berdasarkan keperluan semasa untuk melatih bakal guru. Pada masa kini, IPGKTHO beroperasi dengan kapasiti penuh. Pada masa sama, KVTHO pula menawarkan program TVET seperti hospitaliti untuk menampung permintaan industri setempat yang tinggi. Walaubagaimanapun, kapasiti pengambilan yang ditawarkan terpaksa dihadkan bagi memberi ruang kepada projek ubah suai naik taraf. KVTHO dijangka beroperasi dengan kapasiti sepenuhnya pada tahun 2027.

KPM juga komited bukan sahaja terhadap kemenjadian guru malahan kepada murid yang mengikuti pendidikan TVET bagi memenuhi keperluan modal insan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kekurangan simpanan bagi sebahagian besar pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bawah 55 tahun; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah dana atau program ekonomi khas untuk membantu golongan yang terkesan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam usaha membantu ahli KWSP membina semula simpanan yang telah dikeluarkan, KWSP telah menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan ahli mencarum ke dalam akaun KWSP mereka.

1. Bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar caruman berkanun syer pekerja iaitu 11% pada bila-bila masa. Selain itu, mereka juga boleh mencarum sendiri pada bila-bila masa tertakluk kepada amaun maksimum RM60 ribu setahun.
2. Bagi ahli yang bekerja sendiri, tiada pendapatan tetap atau di luar tenaga buruh seperti suri rumah yang berumur di bawah 60 tahun turut boleh mencarum secara sukarela pada bila-bila masa mengikut kemampuan di bawah Program i-Saraan sehingga RM60 ribu setahun. Sebagai insentif untuk menggalakkan golongan ini menyimpan di bawah i-Saraan, Kerajaan memberikan sumbangan sebanyak 15% daripada amaun caruman, atau sehingga RM250 setahun. Pada tahun 2022, seramai 291,743 ahli telah membuat caruman sukarela di bawah program i-Saraan dan sumbangan Kerajaan yang terlibat adalah sebanyak RM33.21 juta yang telah dikreditkan ke dalam Akaun 1 ahli.
3. Bagi Ketua Isi Rumah (KIR) atau isteri kepada KIR yang berumur di bawah 55 tahun dan berdaftar di bawah pangkalan data eKasih turut boleh mencarum secara sukarela di bawah Program i-Suri bagi menggalakkan wanita daripada isi rumah berpendapatan rendah untuk menyimpan demi hari tua mereka. Di bawah program ini, ahli yang mencarum sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun adalah layak untuk menerima insentif daripada Kerajaan sebanyak RM40 sebulan atau RM480 setahun ke dalam akaun KWSP mereka. Pada tahun 2022, seramai 191,254 ahli telah membuat caruman di bawah program i-Suri dan insentif Kerajaan yang terlibat adalah sebanyak RM85.10 juta serta telah dikreditkan ke dalam akaun ahli.

4. Selain itu, ahli juga boleh menambah simpanan persaraan pasangan (suami/ isteri), ibu bapa atau anak-anak mereka yang berdaftar sebagai ahli KWSP pada bila-bila masa tertakluk kepada amaun maksimum RM60 ribu setahun. Pada masa yang sama, pihak ketiga iaitu individu dan institusi yang diluluskan turut boleh mencarum untuk ahli KWSP dan juga tertakluk kepada amaun maksimum yang sama iaitu RM60 ribu setahun.
5. Mulai Julai 2022 KWSP telah memperkenalkan fungsi baharu Bayaran Caruman Sukarela melalui aplikasi i-Akaun ahli secara atas talian. Kemudahan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana setakat 31 Januari 2023 seramai 315,702 ahli telah memanfaatkan kemudahan ini dengan jumlah amaun caruman sebanyak RM527.70 juta. KWSP juga telah melancarkan kempen ‘Jom Tambah’ yang diperkenalkan mulai bulan Januari yang lalu bagi merancakkan lagi promosi caruman sukarela.
6. KWSP juga telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service (RAS)* sejak 2014 bertujuan memberi khidmat nasihat dan rundingan mengenai perancangan kewangan semasa dan kepentingan persaraan di masa hadapan. Perkhidmatan ini diberi secara percuma dan terbuka kepada ahli dan bukan ahli di cawangan KWSP di seluruh negara.
7. KWSP juga telah melancarkan aplikasi Belanjawanku, satu panduan perbelanjaan minimum bulanan mengikut pelbagai kategori isi rumah di bandar utama di semua negeri. Belanjawanku boleh digunakan oleh seluruh rakyat untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga.

Dalam soal memelihara rakyat dan perniagaan, Kerajaan tetap mencari jalan menyediakan bantuan berbentuk fiskal dan bukan fiskal kepada yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ  
BIN MOHAMAD JAN [ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan senarai barang keperluan makanan yang diimport dari luar melebihi 50% serta nyatakan perancangan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kebergantungan terhadap hasil import.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), beberapa komoditi makanan yang melebihi IDR 50 % bagi tahun 2021 adalah seperti, kobis bulat, cili, halia, daging lembu/kerbau, daging kambing/bebiri dan susu segar.

Pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang telah dilaksanakan untuk meningkatkan jaminan sekuriti bekalan makanan negara dengan memberi fokus kepada pengeluaran domestik komoditi asas seterusnya mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber import bagi keseluruhan komoditi makanan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di bawah **subsektor padi** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya;
- b) Di bawah **subsektor ternakan**, inisiatif kolaborasi strategik yang sedang diusahakan bersama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, FELDA, FELCRA dan RISDA khusus untuk meningkatkan pengeluaran ternakan dan jagung bijian untuk makanan ternakan;
- c) Bagi **subsektor tanaman** pula, KPKM sedang memperluas dan menambahbaik infrastruktur serta fasiliti sedia ada di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi memenuhi keperluan semasa industri. Inisiatif ini melibatkan kawasan seluas 3,693.89 hektar melibatkan 627 petani di seluruh negara.
- d) Seterusnya, bagi **subsektor perikanan**, inisiatif Program Modernisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan yang menawarkan

dana pemberian sebanyak RM150 juta untuk perolehan vesel moden dan peralatan berasaskan IR4.0;

- e) Dari aspek **pemodenan dan pertanian pintar**, KPKM melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kemudahan pemberian di bawah Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan berjumlah RM60 juta; dan
- f) Menggalakkan **penyertaan golongan belia** dalam bidang pertanian dan agromakanan melalui Program Agropreneur Muda dengan peruntukan bagi tempoh RMKe-12 berjumlah RM100 juta (RM 20 juta setahun) dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan sebanyak RM106.9 juta untuk menaik taraf Pusat Bertauliah atau Institut Latihan Pertanian.

Namun begitu, dalam keadaan ini kita tidak dapat manafikan bahawa **sumber import menyumbang kepada sekuriti makanan negara**. Untuk makluman, terdapat komoditi makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik antaranya disebabkan ianya tidak ekonomik, faktor kesesuaian iklim serta kekangan sumber tanah dan tenaga kerja. Selain itu, permintaan pengguna turut mempengaruhi import makanan, kesan daripada pilihan gaya hidup, peningkatan pendapatan dan perubahan persekitaran. Sehubungan itu, bagi memastikan bekalan **sumber import adalah stabil**, KPKM telah melaksanakan inisiatif untuk mempelbagaikan sumber negara import.

KPKM yakin semua langkah di atas mampu mengurangkan kebergantungan import negara terhadap bekalan makanan dan menjamin sekuriti makanan negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban di Parlimen Rasah. Selepas siapnya Fasa 3B (Bahagian 1) beberapa tahun yang lepas, pembinaan fasa berikutnya, yang sepatutnya diteruskan pada awal RMK12 masih belum dimulakan, bilakah pembinaan fasa seterusnya akan diaktifkan semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban (MRRS), Negeri Sembilan dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2004. Sehingga kini, Fasa 3B (Bahagian 1) adalah fasa terkini yang telah disiapkan iaitu pada 4 November 2017. Manakala Fasa 3B (Bahagian 2): Dari Interchange Labu ke FT001 (Jalan Tun Dr Ismail) dan ke Temiang dan Fasa 3B (Bahagian 3): Dari Interchange Temiang (Lekas) ke Interchange Jalan Dato' Siamang Gagap, Daerah Seremban masih belum diluluskan untuk pelaksanaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, cadangan menyiapkan baki kerja projek ini pernah diangkat kepada Agensi Pusat di bawah *Rolling Plan 1*, *Rolling Plan 2* dan *Rolling Plan 4* (2020), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), tetapi tidak diluluskan pada masa itu.

Kementerian ini juga telah menerima permohonan projek ini untuk *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) namun, tidak dapat diangkat kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan disebabkan agihan siling peruntukan yang terhad untuk projek baharu. Manakala bagi *Rolling Plan 3*, RMKe-12 pula, cadangan projek ini tiada dalam senarai keutamaan projek yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

Kementerian ini akan meneliti semula cadangan projek ini apabila dimohon dalam *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat untuk kelulusan, tertakluk kepada kedudukan keutamaan projek dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif khas Kementerian dalam menangani isu keciciran pelajar akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk definisi keciciran sebagai keciciran daripada sistem pendidikan iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyedari bahawa pandemik COVID-19 yang bermula pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada keciciran murid. KPM amat memandang serius kepada isu keciciran dan pelbagai langkah diambil bagi mengurangkan kadar keciciran murid. Pihak KPM telah menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) dan telah dikuatkuasakan ke semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Objektif GPMBC ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. GPMBC ini juga bertujuan untuk memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dilaksanakan oleh pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

KPM turut menyediakan modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) sebagai panduan kepada sekolah untuk melaksanakan intervensi dalam menangani keciciran murid. Program Ziarah Prihatin turut dilaksanakan dengan mengadakan lawatan ke rumah murid bagi mengenal pasti dan mengesan punca keciciran murid serta memastikan masalah yang dihadapi oleh murid dapat ditangani. Melalui SUDI dan program ziarah, aktiviti sokongan yang sistematik dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan murid kekal bersekolah sehingga tamat persekolahan.

Selain itu, KPM juga menjalankan program *outreach* murid cicir di semua PPD dengan kerjasama komuniti setempat. Objektif program *outreach* murid cicir ini adalah memberi intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali bersekolah. Pada tahun 2022, program ini telah

## **SOALAN NO : 26**

berjaya mengembalikan seramai 5,121 orang murid sekolah rendah dan 1,711 orang murid sekolah menengah ke sekolah.

KPM juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk murid seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dan Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS). Bantuan seperti pemberian pinjaman buku teks, menyediakan khidmat guru bimbingan dan kaunseling, serta guru pemulihan turut disediakan bagi meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan. KPM juga melaksanakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) supaya semua murid dapat kekal bersekolah terutamanya murid di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Selain itu, kerjasama sekolah bersama-sama ibu bapa dan komuniti dalam menyediakan bantuan sokongan kepada keluarga B40 seperti pemberian bantuan pakaian seragam, makanan (gerobok rezeki) dan bantuan keperluan persekolahan bagi meringankan beban keluarga murid berpendapatan rendah. Penggembangan segala sumber dipergiat antara agensi dan komuniti setempat seperti penghulu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta agensi swasta berkaitan dilaksanakan bagi membantu murid dan keluarga terlibat bagi meneruskan persekolahan.

KPM yakin inisiatif yang dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan, seterusnya dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHIEW CHOON MAN (MIRI)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek naik taraf di Jalan Roundabout GK, Pujut 3, Miri dan perancangan projek ini bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di jalan utama tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengangkat cadangan projek "**Upgrading Of Pujut 3 Roundabout (Gk Supermarket) To Signalised Traffic Junction**" pada *Rolling Plan 3* (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk pertimbangan Agensi Pusat.

Kelulusan bagi cadangan projek ini tertakluk kepada pertimbangan Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY  
GAPARI KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
[ KENINGAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan asas lantikan calon-calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 Secara Kontrak baru-baru ini bagi tahun 2021 yang mengutamakan calon yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan daripada calon yang mempunyai ikhtisas pendidikan sehingga ada yang masih menunggu beberapa tahun dan belum menerima apa-apa lantikan seperti yang diadakan tahun lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2022, seramai 16,381 guru telah ditempatkan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seluruh negara menerusi urusan pengambilan khas guru secara *one-off*. Daripada jumlah ini, seramai 2,611 merupakan ambilan secara *Contract of Service* (CoS).

KPM memberi keutamaan kepada calon yang memiliki ikhtisas pendidikan dalam urusan pengambilan *one-off* tersebut. Urusan pengambilan secara CoS dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas hanya dilaksanakan bagi opsyen mata pelajaran yang kritikal serta tidak dapat dipenuhi oleh calon graduan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas lantikan yang diambil kira untuk tujuan pengambilan termasuk memenuhi syarat skim perkhidmatan, padanan kluster mata pelajaran dan berjaya dalam temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang merangkumi kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri dan pengetahuan am serta kompetensi fungsional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL  
(AMPANG)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana komitmen Kerajaan Persekutuan dan kerangka masa bagi menyelesaikan semua masalah berbangkit berkaitan projek EKVE di Ampang yang terbantut bertahun lamanya di samping menilai semula keperluan membina lebuh raya baharu khususnya KL Node selagi mana EKVE tidak disempurnakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya EKVE sehingga kini telah siap sebanyak 91% dan terhenti seketika pembinaan di tapak akibat isu kenaikan kos pembinaan. Akibatnya, pihak Syarikat Konsesi perlu mendapatkan dana kewangan tambahan bagi menanggung peningkatan kos yang terlibat dan ianya telah pun diselesaikan dengan pihak bank.

Kerja-kerja pembinaan lebuhraya dijangkakan bersambung semula pada **pertengahan Februari 2023** selepas isu-isu kontraktual diselesaikan dan dijangkakan siap dan dibuka secara berperingkat bermula 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Projek *Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway* (KL-NODE) merupakan sebuah lebuhraya sambungan dari Lebuhraya EKVE yang merupakan pelengkap Sistem Lingkaran Luar Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Outer Ring Road – KLORR) di bahagian Utara yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan. Fungsi utama KLORR adalah menyuraikan aliran trafik di semua bahagian tanpa melalui pusat bandaraya dan sistem jalan raya sedia ada seperti Sistem Lingkaran Tengah 1 (MRR1) dan Sistem Lingkaran Tengah 2 (MRR2) yang telah sesak.

Oleh yang demikian, cadangan Projek KL-NODE adalah juga merupakan satu keperluan di mana penangguhan atau kelewatan pelaksanaannya dijangka akan memberikan implikasi kos yang tinggi seterusnya akan menyebabkan projek tersebut tidak berdaya maju untuk dilaksanakan secara penswastaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 ( RABU )**

**SOALAN**

**YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik jenis pelancongan yang menjadi pilihan pelancong tempatan pada tahun 2022 iaitu pada fasa pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Data dan maklumat berkenaan pelancong tempatan/domestik dirujuk pada Survei Pelancongan Domestik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Setakat ini, data yang yang dikeluarkan adalah bagi tahun 2021. Mengikut data Survei Pelancongan Domestik 2021 tujuan utama pelawat domestik atau tempatan adalah membeli-belah dengan peratusan sebanyak 36.4%, melawat saudara-mara & rakan (VFR) sebanyak 24.2% dan ketiga terbanyak adalah bercuti/mengisi masa lapang/berehat (leisure) dengan kadar sebanyak 15.5%.

2. Sehubungan itu dengan aktiviti promosi pelancongan domestik yang rancak dijalankan oleh Tourism Malaysia, dijangkakan peratusan tujuan bercuti/mengisi masa lapang/berehat untuk tahun 2022 akan meningkat berbanding tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS  
(JELEBU)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS [JELEBU]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembaikan jalan raya dan cerun-cerun di beberapa buah negeri yang mengalami kerosakan teruk akibat bencana banjir besar pada Disember 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 142 bilangan kerja pembangunan jalan dan 274 lokasi cerun runtuh yang telah dikenalpasti akibat bencana banjir yang berlaku pada Disember 2021. Daripada jumlah ini, kesemua 142 kerja pembangunan jalan telah selesai dilaksanakan ditapak, manakala sebanyak 37 lokasi cerun runtuh telah siap dilaksanakan kerja pembangunan oleh pihak JKR mengikut keutamaan sehingga kini berdasarkan peruntukan yang diluluskan dari Kementerian Kewangan.

Jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi pembangunan jalan persekutuan akibat bencana banjir ini adalah sebanyak RM54.87 juta merangkumi skop kerja berkala pavemen, berkala bukan pavemen, penyenggaraan jambatan dan penyenggaraan elektrik. Kesemua peruntukan tersebut telah diterima dan selesai bayaran pada tahun 2022.

Bagi baki kerja pembangunan cerun runtuh pula, bagi tahun 2023, sebanyak 137 lokasi cerun runtuh di Jalan Persekutuan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan kerja pembangunan dengan anggaran kos sebanyak RM161 juta.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan semua kejadian bencana yang berlaku di jalan-jalan dan di cerun – cerun di bawah seliaan JKR dibaiki dengan kadar segera bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [ BETONG ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [ BETONG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan kos bahan mentah untuk makanan ternakan yang menyebabkan kenaikan kos pengeluaran produk seperti daging ayam dan telur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKM telah melaksanakan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi kenaikan kos makanan ternakan ayam pedaging dan ayam penelur seperti berikut:

(a) Jangka pendek

(i) memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran mulai 5 Februari 2022. Sehingga 14 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi telah diluluskan kepada penternak;

(b) Jangka panjang

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara yang berkeluasan sehingga 80,000 hektar dengan sasaran pengeluaran jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang tahun 2032;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE;
- (iii) melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berasaskan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF) di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- (iv) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [ JASIN ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [ JASIN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan masa hadapan KPM berkaitan sistem pembelajaran berasaskan digital dalam kalangan murid seperti penggunaan peranti, bahan mengajar dan kemudahan komunikasi dalam talian seperti yang telah dilaksanakan ketika pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan (KPM) menyedari bahawa pendidikan merupakan penyumbang utama pembangunan bakat dan modal insan serta ekonomi negara. Oleh yang demikian, KPM menambah baik pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang memanfaatkan penggunaan teknologi dan digital secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek penggunaan peranti, KPM telah melaksanakan penggantian pelbagai peralatan ICT yang usang di makmal komputer sekolah secara berfasa mulai tahun 2022 hingga 2024 meliputi komputer riba, pencetak, projektor dan *charging cart*. Bagi pelaksanaan Fasa 1 pada tahun 2022, KPM telah melaksanakan penggantian peralatan ICT di 3,910 sekolah. Inisiatif ini diteruskan di 3,455 sekolah dengan pembekalan dan pemasangan dalam pelaksanaan Fasa 2, yang dijangka siap pembekalan dan pemasangan pada Mei 2023 manakala pembekalan bagi Fasa 3 pada tahun 2024 melibatkan 3,915 sekolah.

Bagi menyokong aspek kemudahan komunikasi dalam talian pula, KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,233 sekolah di bawah KPM. Sebanyak 5,027 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,701 sekolah disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 505 sekolah disediakan dengan talian satelit. Pada masa ini, capaian internet di sekolah hanya meliputi makmal komputer, bilik guru dan pejabat pentadbiran.

Dari aspek bahan mengajar pula, KPM menaik taraf Pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) secara berterusan dengan fitur baharu bagi meningkatkan pengalaman pengguna, kebolehan analitik data serta kandungan dan pembelajaran dipribadikan. Selain itu, DELIMa juga memperluas peluang murid belajar secara aktif dan kolaboratif bersama-sama murid lain. Berdasarkan data penggunaan DELIMa pada 28 Januari 2023, seramai 445,883 guru, pensyarah, pegawai pendidikan serta guru pelatih dan 4.27 juta murid menggunakan pelantar DELIMa.

## **SOALAN NO : 33**

KPM juga telah menambah lebih banyak kandungan dan sumber pendidikan dalam pelantar DELIMa. Sehingga kini, KPM telah memuat naik 754 buku teks digital serta menyediakan sebanyak 3,568 video kurikulum, 263 video pedagogi, 170 bahan radio pendidikan berbentuk *podcast* dan 4,796 video DidikTV KPM. KPM turut menggalakkan perkongsian video amalan terbaik PdP, hasil daya usaha dan kreativiti guru melalui portal CikgoTUBE serta Ruang Ilmu yang dikongsi dalam DELIMa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM kini dalam proses akhir memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital untuk dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Matlamat dasar ini adalah untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing bagi memupuk bakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital secara kritis, kreatif serta inovatif. Antara tumpuan yang diberikan dalam dasar ini adalah meningkatkan penguasaan murid dalam teknologi digital; memperkayakan kandungan digital yang berkualiti; memperkasakan kompetensi guru; membudayakan penggunaan teknologi digital dalam kalangan pemimpin pendidikan; mengupayakan infostruktur dan infrastruktur digital institusi bawah KPM; dan memperkuuhkan jalinan strategik dalam kalangan rakan perkongsian pintar.

KPM sentiasa komited untuk menambah baik sistem pembelajaran berasaskan teknologi dan digital secara berterusan untuk memenuhi keperluan pendidikan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [ KUDAT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA [ KUDAT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan pembangunan sekolah rendah luar bandar di Kudat dan Pitas yang tidak mencukupi bilik darjah, perpustakaan, makmal komputer/sains, serta fasiliti kemudahan termasuk kemudahan asrama desa untuk murid-murid pedalaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik serta kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan bilik darjah dan bilik khas di sekolah dalam kawasan Kudat dan Pitas adalah dalam perhatian KPM. Dalam hal ini, KPM telah mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah tersebut. Perkara ini penting bagi memastikan murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Antara usaha yang diambil oleh KPM bagi mengatasi masalah tersebut adalah melalui penambahan bilik darjah dan bilik khas termasuk makmal komputer dan makmal sains di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus di Parlimen Kudat, sebanyak lapan buah sekolah telah diluluskan projek pembinaan bangunan tambahan atau gantian dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 1* (RP1) tahun 2021. Skop projek pembinaan bangunan tersebut merangkumi pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran dan bilik-bilik khas termasuk makmal sains dan makmal komputer. KPM juga merancang untuk mengemukakan permohonan pembinaan bangunan tambahan atau gantian bilik darjah dan bilik-bilik khas di Sekolah Kebangsaan Balambangan, Banggi, Kudat untuk pertimbangan agensi pusat dalam RMKe-12 RP4 Tahun 2024. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan bagi menangani masalah ketidakhadiran pelajar-pelajar ke sekolah bagi pelajar di daerah Dungun selepas berlakunya pandemik COVID19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada perkara berkaitan kehadiran murid ke sekolah. Ini adalah penting bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *dashboard* KPM telah dibangunkan bagi memantau kehadiran murid di sekolah seluruh negara. Berdasarkan rekod KPM, purata peratus kehadiran murid ke sekolah di Daerah Dungun bagi tempoh Mac hingga Disember 2022 adalah sebanyak 86.72 peratus berbanding data purata kehadiran kebangsaan sebanyak 86.80 peratus. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa yakin dengan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak sekolah dalam memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat di sekolah.

## **SOALAN NO : 35**

KPM menyedari masih terdapat ibu bapa yang bimbang akan keselamatan anak mereka jika hadir ke sekolah sekiranya terdapat kes jangkitan COVID-19 di kawasan berdekatan. Beberapa pendekatan telah diambil untuk meningkatkan keyakinan ibu bapa agar terus menghantar anak-anak ke sekolah dan seterusnya meningkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah. Antara pendekatan yang dilaksanakan oleh sekolah ialah guru kelas mengenal pasti punca ketidakhadiran murid ke sekolah pada setiap hari dan seterusnya akan menghubungi ibu bapa atau penjaga. Jika ada murid yang dikenal pasti berisiko cicir, guru kelas akan merujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk proses intervensi secara berfokus. Tindakan susulan yang bersesuaian diambil oleh pihak sekolah bagi memastikan murid dapat hadir dan mengikuti pembelajaran di sekolah.

KPM juga melaksanakan Program Ziarah Cakna bagi menyantuni murid dan ibu bapa dalam membantu menangani masalah ponteng sekolah. Melalui program ini, konsep penyayang diperluas dan diperkuatkan ke arah meningkatkan disiplin dan pembangunan diri murid. Usaha ini digiatkan lagi bagi mengenal pasti punca ketidakhadiran murid di sekolah dan mengesan murid di rumah bagi memastikan intervensi bersesuaian dapat diambil. Program ini masih diteruskan dan disesuaikan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang sedang berkuat kuasa.

KPM juga sentiasa memastikan pendekatan yang sama dilaksanakan pada peringkat jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan persepsi rakyat bahawa Amanat Lebuhraya (ALR) yang mengambil alih 4 lebuh raya iaitu KESAS, SPRINT, LDP dan SMART hanya menguntungkan syarikat konsesi lama yang berjaya offload tanggungan mereka dan mendapat wang tunai RM5.48 bilion. Berapa lama lanjutan konsesi tol 4 lebuh raya diberikan kepada ALR Berhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan syarikat Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad (ALR) di bawah Akta Syarikat 2016 yang ditubuhkan oleh tiga (3) orang pengasas tidak berdasarkan keuntungan. Pengambilan keseluruhan pemegangan saham keempat-empat syarikat konsesi lebuh raya iaitu Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd., Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd., Kesan Sdn. Bhd. dan Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. oleh ALR dilaksanakan berdasarkan syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 2020 melalui Memorandum daripada Perdana Menteri, Menteri Kanan Kerja Raya dan Menteri Kewangan No. M543/2020 bertajuk “Hala Tuju Industri Lebuh Raya Bertol di Malaysia” antara lain telah bersetuju dengan objektif hala tuju industri lebuh raya bertol di Malaysia untuk mengembalikan keyakinan pelabur serta mengekalkan syarikat konsesi dalam industri yang melibatkan lebuh raya sedia ada dan dalam pembinaan seperti berikut:

- i) menstrukturkan semula kadar tol yang akan dirunding secara bersama dengan syarikat konsesi dan perlu dimuktamadkan sebelum tahun 2023, serta semasa proses rundingan, kadar tol semasa adalah dikekalkan; dan
- ii) parameter yang boleh dirunding oleh Kerajaan antaranya adalah seperti berikut:
  - (a) Kerajaan boleh menimbangkan pelanjutan tempoh konsesi yang munasabah;
  - (b) tiada bayaran pampasan tunai, bantuan kewangan dan jaminan Kerajaan sekiranya tempoh konsesi dilanjutkan; dan

(c) komitmen lebuh raya kekal kepada syarikat konsesi sedia ada atau cadangan model perniagaan baharu tanpa penglibatan/komitmen Kerajaan.

Objektif cadangan penstrukturkan semula dengan pengambilalihan keseluruhan saham keempat-empat syarikat konsesi oleh syarikat induk baharu adalah bagi membolehkan pemegang saham syarikat induk sedia ada keluar daripada industri lebuh raya bertol. Dalam hal ini, sekiranya cadangan penstrukturkan semula ini dipersetujui, Kerajaan akan menikmati penjimatan pembayaran pampasan yang dianggarkan sebanyak RM4,950 juta sehingga tamat tempoh konsesi asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh lanjutan bagi empat (4) lebuh raya berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Shah Alam (KESAS) iaitu selama 5.5 tahun;
- (ii) Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) iaitu selama 9 tahun;
- (iii) Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd (SPRINT) iaitu selama 9 tahun; dan
- (iv) Terowong Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. (SMART) iaitu selama 5.5 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
[LARUT]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ LARUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prospek keutuhan pengurusan fiskal Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 dan pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan dalam situasi pemulihan ekonomi pasca PRU-15.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Persekitaran global dijangka kekal tidak menentu berikutan ketegangan geopolitik berterusan dan unjuran pertumbuhan yang lebih perlahan. Oleh itu, dasar fiskal pada 2023 akan terus responsif bagi menyokong momentum pertumbuhan ke arah mencapai agenda pembangunan negara. Agihan sumber fiskal akan dilaksana melalui pendekatan lebih bersasar dan mengikut bidang keutamaan bagi meningkatkan kapasiti ekonomi dan daya saing. Dalam masa sama, Kerajaan akan terus mengekalkan disiplin dalam pengurusan fiskal bagi memastikan kedudukan kewangan kekal kukuh dan mampu menghadapi sebarang kejutan luaran.

Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan kemampanan fiskal jangka masa sederhana dan panjang. Mengambil kira tiada peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 yang telah tamat tempoh

pada akhir 2022, defisit fiskal 2023 dijangka lebih rendah berbanding 2022. Antara inisiatif pembaharuan bagi terus memperkuuh kedudukan fiskal adalah seperti pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA), Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan semakan semula perbelanjaan awam termasuk menambah baik program subsidi bersasar bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan.

Dari aspek pengurusan hutang dalam situasi pemulihan ekonomi negara, beberapa langkah kawalan perlu dipatuhi dalam memastikan hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, antaranya dengan memastikan bayaran khidmat hutang (*debt service charges*) terkawal, memastikan pinjaman hanya untuk perbelanjaan pembangunan yang berimpak tinggi, mengutamakan pinjaman domestik dan kos pinjaman yang lebih murah serta mengukuhkan rangka kerja institusi dan perundangan berkaitan hutang. Pada akhir 2022, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,079.6 bilion atau 60.4% kepada KDNK. Kerajaan sentiasa komited dalam menambahbaik pengurusan hutang Kerajaan bagi membina semula ruang fiskal dan seterusnya menambah baik kemampuan keberhutangan dan kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda seksyen-seksyen 50 (2), 51, 52 Akta Perikanan 1985 yang menindas nelayan-nelayan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa prihatin terhadap kebajikan nelayan-nelayan dan jauh sekali untuk melakukan perkara-perkara penindasan terhadap mereka. Malah, Peruntukan berkaitan kesalahan dan denda dalam Akta Perikanan 1985 seperti seksyen-seksyen 50 (2), 51, dan 52 adalah penting untuk menjaga sumber perikanan Negara agar tidak dimusnahkan oleh nelayan-nelayan yang tidak bertanggungjawab sehingga memudaratkan sumber perikanan yang menjadi mata pencarian oleh nelayan-nelayan yang bertanggungjawab.

Seksyen-seksyen ini juga adalah bertujuan sebagai pengajaran atau iktibar kepada nelayan supaya sentiasa mematuhi peraturan dan Akta yang telah ditetapkan Kerajaan, dalam erti kata lain sebagai pencegahan perlakuan kesalahan.

Pada tahun ini, Kerajaan sedang meneliti dan dalam tindakan untuk meminda Akta Perikanan 1985 [Akta 317] supaya pengurusan sumber perikanan dapat diperkasakan agar selari dengan keperluan dan perkembangan semasa industri perikanan di peringkat nasional dan antarabangsa. Cadangan pindaan secara menyeluruh kepada Akta 317 akan melibatkan pindaan kepada Bahagian-bahagian sedia ada, penambahan Bahagian-bahagian baharu dan pemansuhan seksyen-seksyen yang tidak lagi relevan dengan keperluan semasa. Cadangan Pindaan Akta ini akan diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat dan dijangka dibentangkan ke Dewan yang mulia ini pada tahun ini juga untuk dibahaskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status kelulusan RM1.5 juta projek baik pulih Laman Changkat Jering (LCJ) yang telah diumumkan oleh YB Menteri pada 28 September 2020. Bilakah projek ini boleh dimulakan bagi dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran (CCDC) sumber-sumber laut sekitar Sungai Tinggi dan Matang serta produk pertanian yang lain

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil inisiatif memperuntukkan sejumlah RM2 juta dari peruntukan sumber dalaman agensi bagi kerja-kerja baik pulih dan ubahsuai bangunan Laman Changkat Jering yang dimiliki oleh Majlis Perbandaran Taiping sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran produk pertanian khususnya ikan dan hasilan ikan. LKIM masih dalam proses lantikan kontraktor yang dijangka selesai pada April 2023. Jangkaan masa projek siap adalah 52 minggu selepas lantikan kontraktor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini rundingan di antara Kementerian Pendidikan dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) berkenaan Sekolah Kebangsaan Danau Perdana yang terbengkalai selama 17 tahun di Taman Danau Desa. Apakah Kementerian akan menetapkan tarikh tamat (*deadline*) untuk mengakhiri kes ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan (SK) Danau Perdana. KPM telah mengambil ketetapan untuk meroboh bangunan SK Danau Perdana memandangkan ianya telah diperakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai tidak selamat untuk diduduki dan telah menimbulkan masalah sosial di kawasan berkenaan. KPM juga sedang meneliti penyelesaian perkara ini dari aspek perundangan agar isu ini dapat diselesaikan segera dan tidak berlarutan. Rundingan bersama pihak Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) akan dilaksanakan setelah penelitian yang rapi dibuat dengan mengambil kira pandangan dari sudut tatacara perundangan dan kepentingan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI  
[ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan bagi membantu pesawah padi di Bagan Tiang, Sungai Star, Sg. Labu Bawah, Sungai Bakau yang terkesan akibat tanah jerlus yang menyebabkan padi tidak dapat dituai mengikut jadual dan para petani mengalami kerugian.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian tanah jerlus berlaku apabila keadaan tanah yang sentiasa terendam air dan penggunaan tanah secara berterusan tanpa sebarang tempoh rehat. Ini mengakibatkan tanah tersebut tidak boleh kembali mengeras ke tahap normal. Kejadian tanah jerlus boleh mengganggu aktiviti penanaman padi terutamanya semasa fasa penyediaan tanah dan penuaian, seterusnya akan mengakibatkan kerugian kepada petani apabila hasil padi tidak dapat dituai.

Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah tanah jerlus ini adalah:

**I. Perataan tanah sawah**

**Perataan Tanah Sawah** (*land levelling*) bertujuan untuk membentuk pemukaan tanah rata. Permukaan sawah yang rata adalah untuk menyokong sistem pengairan yang sempurna dan menyediakan keadaan terbaik bagi pertumbuhan pokok padi. Ia melibatkan proses dimana kedalaman air yang seragam di dalam lot sawah yang rata akan dapat membantu pengagihan air di dalam sawah lebih cekap dan seragam dan akan mengurangkan keadaan air yang bertakung (water lodge).

Pada tahun 2016-2022, kerja-kerja perataan tanah sawah telah dilaksanakan oleh pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian di kompatmen A dan B melibatkan kawasan seluas 2013.9 hektar.

**II. Penyelenggaraan Batas Parit Ladang**

Penyelenggaraan Batas Parit Ladang membolehkan pengaliran air berlebihan/bertakung dalam petak sawah daripada merosakkan lapisan tanah keras (*hard pan*) yang menjurus kepada keupayaan galas tanah yang rendah (tanah jerlus).

Pada tahun 2016-2022 kerja-kerja penyelenggaraan batas parit ladang telah dilaksanakan oleh pihak IADA Kerian di kompatmen A dan B sepanjang 1113.32 km.

**III. Pengesyoran Mekanisasi yang sesuai**

Penggunaan jentera di dalam petak sawah adalah dengan tahap kekuatan galas tanah bagi mengelakkan kerosakan pada tanah. Pengesyoran Jentera pertanian adalah mengikut kelas keupayaan galas tanah dari kelas 1 sehingga kelas 3.

Bagi kelas 1 adalah tanah tidak jerlus. Jenis jentera yang sesuai untuk penyediaan tanah adalah dengan menggunakan bajak kering traktor 4 roda yang mempunyai berat kurang daripada 3 tan dan bajak basah atau membadi traktor 2 separa rantai jenis besi. Manakala bagi tujuan penuaian, semua jenis jentuai boleh digunakan.

Kelas 2 adalah kelas bagi potensi jerlus di mana traktor yang sesuai untuk penyediaan tanah adalah traktor 2 roda dengan roda sangkar, traktor 4 separa rantai jenis besi dan traktor 2 separa rantai jenis besi. Manakala bagi tujuan penuaian, jentera yang sesuai digunakan adalah jentuai mini, jentuai 4 separa rantai jenis besi dan *reaper binder*.

Kelas 3 merupakan kelas bagi tanah jerlus di mana jentera yang sesuai digunakan bagi tujuan penyediaan tanah adalah traktor 2 roda dengan roda sangkar dan traktor 4 separa rantai jenis besi. Manakala jentera jenis manual dan *reaper binder* adalah jenis jentera yang sesuai bagi tujuan penuaian.

**iv. Penambahbaikan Fizikal Tanah**

Penggunaan bahan pelengkap tanah (*soil amendment*) seperti *hydrogel*, *dolomite* dan *gypsum* yang bertindak sebagai penstabil tanah (*soil stabilizer*)/ pengikat tanah (*soil binder*) boleh disyorkan untuk meningkatkan kepadatan tanah bagi memperbaiki tanah jerlus. Pada tahun 2023 ini, pihak IADA Kerian akan melaksanakan satu program petak pemerhatian di peringkat lapangan berkenaan. Penggunaan bahan pelengkap tanah ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada petani mengenai kepentingan pengurusan tanah sawah sebelum penanaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT  
MAJILIS @ FAKHARUDY [KOTA BELUD]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY [ KOTA BELUD ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di Sabah bagi tahun 2018 hingga 2022 dan adakah Kerajaan baharu (Kerajaan Perpaduan) masih kekal dengan pendirian bahawa formula 40% pemberian hasil Sabah di bawah perkara 112C tidak lagi terpakai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada 14 Februari 2022, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan seperti [P.U.(A) 119/2022] bertarikh 20 April 2022 untuk tempoh 5 tahun seperti berikut:

- i. Tahun 2022 sebanyak RM125.6 juta;
- ii. Tahun 2023 sebanyak RM129.7 juta;
- iii. Tahun 2024 sebanyak RM133.8 juta;
- iv. Tahun 2025 sebanyak RM138.1 juta; dan
- v. Tahun 2026 sebanyak RM142.6 juta.

Namun demikian, persetujuan di atas tertakluk kepada rundingan formula di mana jika dipersetujui ia akan berkuat kuasa mulai tahun 2022. Untuk makluman, sehingga persetujuan formula baharu dicapai, [P.U.(A) 119/2022] masih berkuat kuasa.

Pada 20 Januari 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk merundingkan formula Pemberian Khas yang lebih baik termasuk meningkatkan kadar Pemberian Khas daripada yang telah dipersetujui sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ROSLAN BIN HASHIM [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menyemak semula beban tugas guru seperti terlalu banyak sistem *online* yang perlu guru laksanakan, bebanan kerja bukan PdPc dan arahan kerja yang tidak konsisten dari KPM.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

Terkini, KPM telah bersetuju untuk melaksanakan tujuh langkah segera bagi memastikan isu beban tugas guru dapat ditangani seperti yang dimaklumkan dalam Kenyataan Media KPM: Pelaksanaan Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru bertarikh 17 Februari 2023. Tujuh langkah tersebut adalah:

- i. memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberikan impak besar terhadap pembelajaran murid dan hanya menambahkan beban tugas guru;
- ii. mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang melibatkan guru kepada setahun sekali sahaja;
- iii. menetapkan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang bagi mengelakkan kesesakan dalam sistem;

## **SOALAN NO : 43**

- iv. pelantikan pengawas peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) terbuka kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tetapi perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan;
- v. mengehadkan penganjuran sambutan Hari Guru Tahunan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja;
- vi. menetapkan ringkasan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) di peringkat KPM bagi memastikan kembali memenuhi keperluan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.3/1999, yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi; dan
- vii. memperkuuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan berterusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB).

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru terjamin dan fokus utama mereka kepada pengajaran dan pembelajaran dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
[BERA]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [ BERA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diperuntukkan oleh Kementerian bagi membantu rakyat yang mengalami masalah kewangan akibat daripada peningkatan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang mampu mengakibatkan mereka diisytihar muflis.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kadar Dasar Semalam (OPR) negara ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertindak di bawah Akta Bank Negara 2009. Kerajaan sedar bahawa limpahan daripada kenaikan OPR ini akan memberi kesan kepada rakyat. Justeru, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif, bantuan dan juga subsidi untuk mengurangkan beban rakyat, contohnya Kerajaan masih lagi mengekalkan harga minyak petrol RON95 pada kadar RM2.05 seliter di mana Kerajaan menampung kos subsidi yang besar bagi mengekalkan harga jualan petrol RON95 ini.

Selain daripada itu, Kerajaan turut menanggung subsidi elektrik dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat. Pada masa yang sama, bantuan tunai kepada rakyat masih lagi diberikan keutamaan oleh Kerajaan melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Semua bantuan dan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan ini secara langsung dan tidak langsung adalah bagi mengurangkan beban rakyat bukan sahaja disebabkan kenaikan OPR, tetapi turut melibatkan peningkatan dalam inflasi dan kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Selain itu, para peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan juga boleh mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) seperti Program Pengurusan Kredit (atau Debt Management Programme, DMP) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (atau Small Debt Resolution Scheme, SDRS). Terutamanya untuk peminjam individu, Program Pengurusan Kredit dapat membantu peminjam untuk menstrukturkan semula pinjaman sedia ada dan membolehkan peminjam untuk terus membayar balik pinjaman.

Peminjam juga boleh menghubungi institusi kewangan masing-masing untuk menstruktur semula bayaran balik pinjaman mereka melalui pengurangan ansuran bulanan dan pelanjutan tempoh bayaran balik yang bersesuaian dengan keadaan kewangan mereka. Ini membolehkan

institusi kewangan untuk menawarkan pakej bayaran balik pinjaman yang sesuai dengan keadaan dan situasi kewangan peminjam bagi membantu mereka ketika menghadapi kesulitan kewangan.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab. Garis panduan ini menghendaki institusi kewangan untuk memastikan peminjam yang menghadapi kesulitan dalam membayar balik pinjaman dilayan dengan adil dan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Tindakan undang-undang adalah jalan penyelesaian yang terakhir oleh institusi kewangan, setelah segala usaha pemulihan lain dilakukan untuk mendapatkan balik pinjaman yang telah diberi kepada peminjam.

Selain itu, AKPK dengan kerjasama institusi kewangan telah melaksanakan inisiatif baharu iaitu mengeluarkan notis kepada peminjam untuk mendapatkan bantuan penjadualan semula/penstrukturkan pinjaman dengan institusi kewangan atau AKPK sebelum institusi kewangan meneruskan sebarang Notis Kebankrapan. Inisiatif ini membantu peminjam untuk mendapatkan bantuan daripada institusi kewangan atau AKPK, sekali gus bertujuan untuk mengurangkan kadar kebankrapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI  
BIN HAJI SALLEH (PASIR PUTEH)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek pembangunan berskala besar yang sedang dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk manfaat langsung rakyat berbanding negeri-negeri pantai barat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2023 terdapat dua projek pembangunan berskala besar sedang dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Projek berskala besar tersebut adalah Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai (KBKK) sepanjang 66.9km bernilai RM2.3 bilion dan Lingkaran Tengah Utama (LTU) sepanjang 298.4km bernilai RM7.7 bilion.

Keseluruhan projek KBKK merangkumi tujuh (7) kontrak di mana dua (2) projek telah siap dan lima (5) projek sedang dalam pembinaan. Manakala projek LTU pula terbahagi kepada sepuluh (10) kontrak di mana dua (2) projek dalam peringkat perolehan, tujuh (7) projek dalam peringkat pembinaan dan satu (1) projek telah siap.

Status semasa bagi projek KBKK adalah 42.8% sebenar berbanding 45.9% unjuran manakala bagi projek LTU adalah 51.1% sebenar berbanding 51.9% unjuran. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada tahun 2026.

Antara impak positif bagi kedua-dua projek berskala besar ini adalah dapat meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat, menyediakan infrastruktur berkualiti di luar bandar, mengurangkan risiko kemalangan di samping dapat meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti laluan ke Pantai Timur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN  
(KLANG)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan kualiti tar atau bahan asas yang digunakan dalam pembinaan jalan utama di sekitar kawasan Pelabuhan Klang yang merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara memandangkan jalan di kawasan tersebut sering mengalami kerosakan akibat daripada penggunaan jentera dan lori berat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia cakna terhadap isu meningkatkan kualiti pembinaan jalan raya susulan daripada aduan-aduan serta keadaan jalan raya yang sedia ada.

Terdahulu, usaha untuk meningkatkan kualiti pembinaan jalan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), di seluruh negara, bermula di mana JKR telah menerbitkan spesifikasi jalan pada tahun 2008 bagi turapan jenis konvensional dan campuran khusus (*specialty mix*) yang lebih berdaya tahan seperti *polymer modified asphalt* dan *stone mastic asphalt*. Melalui perkembangan teknologi dan keperluan semasa, beberapa penambahbaikan telah dibuat ke atas kualiti bitumen untuk meningkatkan prestasi lapisan turapan jalan. Sejak tahun 2017, JKR telah menetapkan penggunaan bitumen *penetration grade* (PG) 60/70 dalam kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan memandangkan bitumen gred 60/70 mempunyai kelebihan di mana ia mempunyai nilai kepekatan yang lebih tinggi dan dapat meningkatkan keupayaan turapan dalam menampung beban trafik serta memanjangkan jangka hayat turapan sehingga 18% berbanding penggunaan bitumen gred 80/100 yang lazim digunakan sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mencapai matlamat dalam menyediakan perkhidmatan jaringan jalan raya yang selesa, selamat dan lebih berdaya tahan, Kementerian Kerja Raya (KKR), melalui Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) dan Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) telah dan sedang menjalankan kajian dengan memanfaatkan bahan baharu (*new material*) dan teknologi berinovatif dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya yang dikenali sebagai *specialty mix*. *Specialty mix* adalah bahan campuran asphalt yang diubahsuai melalui gredan *aggregate* dan bahan pengikat atau penggunaan bahan tambah (*additives*) di dalam bahan campuran

asphalt. *Specialty mix* berpotensi untuk meningkatkan daya tahan dan kualiti turapan jalan, serta memanjangkan jangka hayat turapan.

Kajian penggunaan teknologi *specialty mix* seperti *latex asphalt*, *plastic asphalt*, *crumb rubber modified asphalt*, *super fiber mix* dan *fiber mastic asphalt* telah dimulakan sejak tahun 2018 khusus untuk mencari solusi teknikal kepada permasalahan jalan raya seperti pembentukan keretakan dan pembentukan aluran. Berdasarkan kepada dapatan kajian secara pemantauan di tapak, secara amnya, penggunaan bahan *specialty mix* ini dapat meningkatkan daya tahan turapan jalan dan meningkatkan rintangan terhadap pembentukan keretakan (*cracking*) dan pembentukan aluran (*rutting*). Walau bagaimanapun, keberkesanannya terhadap jangka hayat turapan jalan masih dalam pemantauan. Kebolehgunaan *specialty mix* di jalan-jalan utama dengan beban trafik yang tinggi dan *high stressed area* seperti di Pelabuhan Klang juga sedang dikaji oleh JKR.

Bagi bagi kerja – kerja penyenggaraan/pembaikan jalan di kawasan Pelabuhan Klang khususnya yang sering kali terlibat dengan penggunaan kenderaan berat dan jentera- jentera berat, Kementerian menggunakan kaedah pembaikan jalan yang tertinggi iaitu dengan kaedah CIPR – “Cold In Place Recycling” bagi jalan- jalan di atas tanah manakala menggunakan kaedah “Mill and Pave” bagi jalan – jalan di atas struktur/jambatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan kelulusan peruntukan di kawasan Parlimen Klang yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i) RM11.656 juta bagi penyenggaraan kerja berkala pavemen;
- ii) RM0.323 juta bagi kerja berkala bukan pavemen; dan
- iii) RM1.686 juta bagi penyenggaraan rutin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2023, Kementerian telah mengenal pasti kerosakan di kawasan Parlimen Klang dan telah merancang 14 bilangan kerja berkala pavemen yang berjumlah RM16.420 juta dan 29 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM9.595 juta. Kerja–kerja ini akan dilaksanakan tertakluk kepada nilai peruntukan keseluruhan yg diluluskan Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan pembaikan berdasarkan analisa tahap kerosakan keseluruhan jaringan jalan persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [ KETEREH ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [ KETEREH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan jelas berapa jumlah pertukaran guru mengikut pecahan tahun 2016 hingga 2022 dan apakah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh KPM bagi tempoh 2 tahun dan adakah kaedah yang diguna pakai dapat meningkatkan kadar pertukaran guru.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam memastikan kebajikan guru diberi keutamaan tanpa menjaskannya kepada pentingnya perkhidmatan pendidikan terutamanya melibatkan permohonan pertukaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan pertukaran guru yang telah diluluskan pada tahun 2016 hingga 2022 adalah sebanyak 44,960. Pecahan kelulusan pertukaran guru bagi tempoh tersebut mengikut pecahan tahun adalah seperti berikut:

- i. 5,773 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2016;
- ii. 7,214 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2017;

## **SOALAN NO : 47**

- iii. 5,578 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2018;
- iv. 6,932 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2019;
- v. 4,672 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2020;
- vi. 11,469 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2021; dan
- vii. 3,322 permohonan pertukaran guru telah diluluskan pada tahun 2022.

Dalam melaksanakan urusan pertukaran guru, KPM telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil. 7/2021 Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional. Turut dilampirkan bersama-sama SPI ini ialah Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Garis panduan tersebut menjelaskan perkara berkaitan Dasar Pertukaran Guru yang digunakan sebagai rujukan kepada pelaksanaan permohonan pertukaran guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada garis panduan tersebut, KPM telah menetapkan tiga prinsip asas pertukaran iaitu kekosongan jawatan, keperluan opsyen serta kepentingan dan keperluan perkhidmatan. KPM turut membuat penambahbaikan dalam garis panduan tersebut. Penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. permohonan dibuka sepanjang tahun;
- ii. tempoh sah permohonan adalah satu tahun dari tarikh permohonan;
- iii. permohonan dalam talian dibuka kepada semua kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP);

## **SOALAN NO : 47**

- iv. kelulusan pertukaran dilaksanakan sepanjang tahun bagi penyandang jawatan Pengetua/Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran dan Guru Tingkatan 6;
- v. kelulusan pertukaran bagi PPP yang lain dilaksanakan mengikut sesi penggal persekolahan iaitu sebanyak empat (4) kali setahun;
- vi. keutamaan pertimbangan kelulusan pertukaran adalah kepada PPP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun di negeri semasa bagi negeri-negeri di semenanjung atau sekurang-kurangnya tiga tahun di negeri semasa bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- vii. sekiranya tiada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen bagi permohonan pertukaran PPP ke negeri yang dimohon, pertimbangan pertukaran akan diberikan kepada negeri pilihan kedua atau ketiga pemohon serta kepada negeri yang berdekatan.

Garis panduan tersebut juga menetapkan bahawa permohonan pertukaran boleh dibuat berdasarkan kepada beberapa kategori iaitu:

- i. kategori kesihatan
- ii. kategori keselamatan
- iii. kategori mengikut pasangan; dan
- iv. kategori lain-lain.

KPM juga ingin memaklumkan bahawa peratus kelulusan bagi permohonan pertukaran guru pada tahun 2022 meningkat kepada 41 peratus berbanding tahun-tahun sebelumnya setelah inisiatif penambahbaikan dilakukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 ( RABU )**

**SOALAN**

**YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan pembangunan pelancongan ecotourism dan agrotourism di daerah Sik yang sangat berpotensi untuk dimajukan bagi kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Sungai Petani-Ulu Muda sebagai salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang berpotensi dibangunkan bagi merangsang ekonomi setempat. Tarikan utama kawasan ini khususnya Hutan Simpan Ulu Muda yang menjadi rumah kepada Tasik Beris dan beberapa buah empangan lain adalah kaya dengan kepelbagaiannya biologi. Pelbagai aktiviti ekopelancongan boleh dipromosikan seperti memancing, kembara hutan (*hiking*), rakit redah jeram (*water rafting*), mencerap hidupan liar (*wildlife watching*) dan sebagainya.
2. Di daerah Sik juga terdapat tiga (3) buah pusat agropelancongan swasta yang berdaftar dengan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) iaitu Koperasi Agro Belantik Sik Berhad (Padi Organik), Agropelancongan Kampung Landai Gulau dan Muda Resort. Sebagai contohnya, Muda Resort bukan sahaja menawarkan penginapan chalet dan kemudahan dewan mesyuarat yang selesa kepada pelancong-pelancong tetapi aktiviti-aktiviti rekreasi seperti berjogging, kayak, berkhemah dan sebagainya. Di samping itu, Homestay Kampong Jeruju dan Homestay MADA Pulau Pisang di kawasan berdekatan turut menawarkan pengalaman percutian agropelancongan melalui “farm-stay”.
3. MOTAC menerusi Tourism Malaysia akan terus bekerjasama dengan MAFS dalam mempromosi agropelancongan sebagai produk pelancongan negara. Antaranya seperti penglibatan dalam Pameran Ekspos Pertanian, Hortikultur Dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada 4 hingga 14 Ogos 2022 di MAEPS, Serdang, yang berpotensi besar meningkatkan promosi Ulu Muda sebagai destinasi agropelancongan negara.

## NO. SOALAN : 48

4. Selain itu, Tourism Malaysia juga telah menyampaikan taklimat berkaitan pembangunan pakej semasa Kursus Pengendalian Pakej Agro Pelancongan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Tahun 2022 di Sungai Petani, Kedah pada 8 sehingga 10 November 2022 yang dihadiri oleh seramai 25 pengusaha produk di bawah MADA. Para peserta turut diberikan maklumat berkaitan platform promosi produk dan pakej pelancongan yang disediakan oleh Tourism Malaysia antaranya melalui menu “*Deals & Packages*” pada laman sesawang [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel). Kesinambungan dari sesi ini, satu program pembangunan pakej sedang dirancang untuk mempromosikan tarikan pelancongan Tasik Pedu dan penginapan di sekitar Sik termasuk Muda Resort. Agensi pelancongan dan media terpilih dari beberapa negeri akan dijemput untuk membangunkan pakej dan meluaskan liputan dalam usaha mempromosikan tarikan pelancongan secara berterusan.
5. Seterusnya, dalam usaha mempromosikan industri kopi di Wilayah Utara, Tourism Malaysia telah melancarkan “*Northern Malaysia Coffee Experience*” selama enam (6) bulan bermula 2 Disember 2022. Kempen ini menggabungkan segmen gastronomi dan spa dan memfokuskan kepada peningkatan pengalaman pelancong, ekoran trend golongan “Millennials” kini yang menjadikan aktiviti bersantai di kedai kopi sebagai salah satu gaya hidup. Sebanyak 15 pakej pelancongan yang turut melibatkan daerah Sik, Kedah telah dibangunkan sebagai permulaan di bawah kempen ini.
6. Pada masa yang sama, pengusaha-pengusaha pelancongan di Ulu Muda turut digalakkan untuk menyertai pameran-pameran pelancongan tempatan seperti MITA dan MATTA Fair serta platform-platform promosi dalam talian menerusi Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN  
(KUALA PILAH)**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' ADNAN BIN ABU HASSAN [KUALA PILAH]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan kes runtuhan cerun di seluruh negara semasa musim tengkujuh baru-baru ini dan apakah tindakan proaktif yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa bersiap sedia dalam memastikan cerun-cerun di sepanjang Jalan Persekutuan dalam keadaan baik agar jalan perhubungan tidak terputus. Berdasarkan kepada keadaan cuaca akibat Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 yang sedang melanda negara, didapati beberapa negeri telah terkesan dan terdapat kerosakan aset di Jalan Persekutuan dikenalpasti oleh JKR khususnya cerun-cerun yang secara langsung menjelaskan fungsi dan keselamatan pengguna jalan raya.

Sebanyak 373 lokasi cerun runtuh telah dikenalpasti terjejas pada tahun 2022 dengan anggaran kos pembaikan sebanyak RM192 juta diperlukan. Zon Tengah Timur meliputi Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan merupakan zon yg paling banyak terkesan berlakunya lokasi cerun runtuh iaitu sebanyak 347 lokasi.

Bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh lebih teruk, kementeri ini melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia telah melaksanakan tindakan proaktif terhadap cerun-cerun yang telah terjejas antaranya seperti berikut:

- i) Menutup cerun runtuh yang terdedah menggunakan *tarpaulin sheet* bagi melindungi permukaan cerun sementara kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan;
- ii) Membuat lencongan jalan terhadap jalan yang terjejas akibat daripada cerun jalan yang runtuh;
- iii) Menutup jalan sekiranya runtuhan adalah kritikal dan membahayakan pengguna jalan raya.

Di samping itu juga, bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berulang, kementerian telah mengenal pasti cerun-cerun yang telah dikategorikan sebagai sangat berisiko tinggi dan akan melaksanakan kerja-kerja pencegahan (*preventive*) agar cerun yang berisiko ini akan stabil dan tidak membahayakan pengguna jalan raya. Namun begitu pelaksanaan kerja-kerja pencegahan ini akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diterima daripada pihak Kementerian Kewangan.

Adalah menjadi keutamaan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan (*corrective*) terlebih dahulu bagi cerun-cerun yang telah runtuh agar keselamatan pengguna jalan raya terjamin dan rangkaian perhubungan berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[MERBOK]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status Tapak Arkeologi Lembah Bujang yang sedang dikaji kesesuaianya untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia pada masa hadapan. Sekiranya data penyelidikan lengkap diperolehi serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO, adakah usaha pencalonan akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) merancang untuk mengangkat Tapak Arkeologi Lembah Bujang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Sesi perbincangan bersama pakar-pakar tempatan yang diadakan pada 15 Mac 2018 telah mengenal pasti sama ada Tapak Sungai Batu atau Lembah Bujang ini telah bersedia untuk diangkat bagi pengiktirafan UNESCO. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan tersebut mendapati bahawa tapak ini masih memerlukan kajian lanjut bagi mengenal pasti kriteria yang bersesuaian serta mempunyai *Outstanding Universal Value* (nilai keunggulan sejagat) seperti yang telah dinyatakan dalam UNESCO *Operational Guidelines*. JWN bersama Universiti Sains Malaysia (USM) dalam usaha meneruskan penyelidikan yang mana sekiranya memenuhi kriteria ia boleh dipertimbangkan untuk pengiktirafan UNESCO. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ  
[ SEGAMAT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [ SEGAMAT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agenda pembangunan semula pendidikan yang akan ditumpukan di Parlimen Segamat dan apakah jaminan bahawa peruntukan yang tersedia bagi tujuan tersebut benar-benar mencakupi aspek pemberian infrastruktur di sekolah-sekolah daif termasuk penyediaan peranti digital khususnya bagi pelajar yang menjalani pendidikan khas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan agenda pembangunan pendidikan di seluruh negara termasuk di Parlimen Segamat terus dilaksana. Tumpuan diberi kepada aspek pembinaan infrastruktur sekolah bagi menyediakan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM pernah melaksanakan projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di Sekolah Kebangsaan Balai Badang, Segamat pada tahun 2017 dengan kos RM1.57 juta yang melibatkan pembinaan enam bilik darjah, tandas murid dan kemudahan lain. Walaubagaimanapun, berdasarkan data *Educational Management Information System* (EMIS) di KPM sehingga 15 Januari 2023, tiada sekolah dengan bangunan daif di Parlimen Segamat.

Selain itu, KPM juga telah melaksanakan 36 buah projek pembinaan infrastruktur sekolah dalam Parlimen Segamat bagi tahun 2022 dengan kos projek berjumlah RM2.73 juta.

Buat masa ini, KPM belum menyediakan peranti digital kepada murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di Segamat. Walau bagaimanapun, KPM telah menyalurkan peruntukan pembekalan peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti *chiller 2 door, food warmer*, mesin jahit dan peralatan lain bagi kegunaan bengkel kemahiran di enam buah sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) berjumlah RM215 ribu pada tahun 2022. Selain itu, KPM telah memperuntukkan RM283 ribu bagi kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di lima buah sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang konkret bagi membantu golongan yang tersepit dengan masalah kewangan yang meruncing tetapi tidak wajar diizinkan terus-terusan mengeluarkan simpanan KWSP kerana sudah pasti akan menjelaskan simpanan masa tua yang telah pun terpaksa beberapa kali mereka korbankan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan akan terus menumpukan kepada agenda kesejahteraan rakyat terutamanya dalam membantu rakyat yang tersepit dengan masalah kewangan. Kerajaan tetap mencari jalan menyediakan bantuan berbentuk fiskal dan bukan fiskal kepada mereka yang memerlukan .

Menerusi Belanjawan 2023 yang bertemakan Membangun Malaysia MADANI, Kerajaan akan terus meneliti segenap aspek rukun MADANI dalam memastikan setiap ikhtiar dan usaha yang dibuat dapat menterjemahkan agenda kemakmuran dan kesejahteraan menyeluruh buat negara.

Seiring misi Kerajaan memulih dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, isu kos sara hidup yang semakin meruncing tidak sesekali diabaikan. Agenda menstabilkan kos sara hidup antara tumpuan utama Belanjawan 2023. Antara bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan dalam usaha membantu meringankan beban rakyat adalah Sumbangan Tunai Rahmah kepada kumpulan B40, Bantuan Awal Persekolahan, dan terbaru Menu Rahmah di mana rakyat yang kurang berkemluan dapat membeli makanan dengan kadar harga maksimum sebanyak 5 ringgit sahaja.

Pelbagai mekanisme lain turut disusun rapi antaranya pelaksanaan kawalan harga sedia ada dan peruntukan subsidi bagi barang-barangan keperluan terpilih dalam jangka pendek. Program pembasmian kemiskinan tegar akan terus diperkemas dalam memastikan nasib kelompok termiskin ini akan terus dibela dan diperkasa. Kerajaan juga akan mempelbagaikan tawaran dana dan pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan-usahawan memulih penjanaan pendapatan perniagaan mereka.

Kerajaan juga akan mengembleng tenaga mensasarkan lebih banyak jalinan kerjasama awam swasta untuk memulih ekonomi dan mensejahterakan rakyat meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN  
[ PUNCAK BORNEO ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WILLIE ANAK MONGIN [ PUNCAK BORNEO ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KERTERJAMINAN MAKANAN** menyatakan dasar dan hala tuju sektor pertanian dan perladangan negara. Adakah Kementerian berhasrat menubuhkan Lembaga Baja dan Racun untuk membantu para peladang dan petani dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Halatuju sektor pertanian negara telah digariskan melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). DAN 2.0 memberikan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama berikut:

- (i) **sektor agromakanan yang berdaya saing dan inovatif;**  
Meningkatkan nilai tambah output pertanian dan memberi fokus kepada potensi eksport. Persekutaran perniagaan yang kondusif merupakan elemen penting menjamin keberkesanan aktiviti pengeluaran di samping berupaya menarik penyertaan syarikat besar ke dalam industri. Di samping itu, penerimangunaan teknologi secara meluas juga penting dalam meningkatkan produktiviti pertanian seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar makanan dan menjadikan harga makanan lebih berpatutan.
- (ii) **kesejahteraan pengeluar makanan dan keterangkuman dalam pembangunan sektor; dan**  
Meningkatkan kualiti hidup pengeluar makanan adalah penting untuk memacu pertumbuhan yang berterusan dalam industri serta menarik bakat baharu terutamanya golongan belia. Keterangkuman merupakan antara agenda utama dalam DAN 2.0 memandangkan penyertaan golongan wanita, belia, komuniti orang asli serta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman berpotensi menyumbang kepada pembangunan sektor agromakanan.
- (iii) **anjakan paradigma ke arah suatu sistem makanan yang mampan serta bersesuaian dengan perubahan iklim.**  
Kualiti dan kecekapan dalam pengendalian dan pemprosesan produk perlu diterapkan dalam keseluruhan rantaian nilai bagi menjamin pengeluaran makanan yang selamat dan mempunyai nutrisi yang seimbang kepada pengguna di samping mengelakkan pembaziran. Adalah penting agar pertanian

mampang yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim dipergiatkan bagi meminimumkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan.

Lima (5) teras utama DAN 2.0 memfokuskan kepada aspek dan komponen berikut:

- (i) mendukung pmodenan dan pertanian pintar;
- (ii) memperkuuh pasaran domestik, meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasikan eksport;
- (iii) membangun bakat yang memenuhi permintaan industri;
- (iv) meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan; dan
- (v) menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh.

KPKM sedang meneliti **penubuhan Lembaga Baja melalui penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Baja**. Penubuhan lembaga dan penggubalan RUU ini bertujuan mengawal selia industri baja negara serta memastikan semua baja yang diimport, dieksport, dikilang dan dijual dalam negara dijamin berkualiti dan selamat untuk digunakan. RUU ini sedang diperingkat semakan Pejabat Peguam Negara dan akan di bawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Sementara itu, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah wujud di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149) yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian. Lembaga ini berfungsi mengawal selia aktiviti berkaitan racun makhluk perosak di dalam Negara melibatkan aktiviti pengimportan, pengilangan, pengiklanan, penjualan dan penggunaan racun makhluk perosak melalui pendaftaran dan perlesenan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ BESUT ]**

**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memupuk kesedaran kepentingan pendidikan duniawi dan ukhrawi seawal usia di prasekolah dan pusat asuhan kanak-kanak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan program pendidikan awal dan asuhan kanak-kanak, serta aktiviti pembangunan yang berkaitan sebagai sebahagian daripada agenda KPM sejak tahun 2000 apabila Kerajaan menandatangani Deklarasi Pendidikan untuk Semua (Education for All) di bawah UNESCO.

Kurikulum Kebangsaan digubal berdasarkan dan bertunjangkan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Kurikulum ini juga digubal berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyatakan hasrat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

## **SOALAN NO : 54**

Bagi mengukuhkan asas ini, murid Islam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam yang bermatlamatkan untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, ia turut memberi peluang kepada murid untuk menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Eleman Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digubal berdasarkan prinsip di atas bagi membimbing murid prasekolah dengan kefahaman dan amalan asas sebagai seorang muslim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha memupuk kesedaran kepentingan pendidikan duniawi dan ukhrawi pada peringkat awal pendidikan, KPM telah membangunkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan berdasarkan enam tunjang (Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, kemanusiaan, Keterampilan Diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika) serta Sains dan Teknologi yang merupakan domain utama. Domain utama ini menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang seimbang dan mengamalkan nilai-nilai murni berteraskan keagamaan.

Pembelajaran bersepada melalui kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di prasekolah memberi peluang kepada murid untuk memperoleh dan menguasai pengalaman pembelajaran merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Pendidikan Islam pada peringkat prasekolah memberi penekanan terhadap penguasaan asas al-Quran dan jawi, pembentukan akidah, pemupukan asas ibadah, penyuburan adab dan akhlak serta pengenalan kepada sirah. Pendidikan Moral di prasekolah memfokuskan kepada pembentukan insan yang berakhhlak mulia berteraskan tiga domain iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ketiga-tiga domain tersebut diaplikasikan dengan 14 nilai universal bertujuan menghasilkan insan yang berakhhlak mulia.

## **SOALAN NO : 54**

Program Pendidikan Guru Institut Pendidikan Guru KPM, bagi bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak juga menawarkan kursus wajib yang berkaitan duniawi dan ukhrawi. Kursus yang berfokuskan kepada duniawi adalah seperti Pembelajaran Bahasa Awal Kanak-Kanak, Perkembangan Fizikal Kanak-Kanak, Matematik dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Sains dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pembelajaran Digital dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, *English Language Learning in Early Childhood Education*, Nyanyian, Muzik dan Pergerakan Kreatif. Manakala kursus yang mempunyai kandungan berkaitan ukhrawi adalah seperti kursus Perkembangan Afektif Awal Kanak-Kanak dan Kemahiran Sosial Awal Kanak-Kanak.

Selain itu, KPM turut melaksanakan jalinan dan kerjasama dengan jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri untuk membangunkan modul latihan berkaitan akhlak dan sahsiah murid prasekolah bagi guru-guru dalam perkhidmatan. Modul ini akan digunakan sebagai modul latihan kepada guru-guru prasekolah bermula tahun 2024.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan dapat memastikan pemupukan kesedaran kepentingan pendidikan duniawi dan ukhrawi pada peringkat prasekolah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI  
[GOMBAK]**  
**TARIKH : 22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pengeluaran wang KWSP sebagai langkah bantuan kewangan. Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan wang simpanan pencarum KWSP supaya keadaan kewangan mereka lebih terjamin apabila bersara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KWSP telah melaksanakan empat (4) kemudahan pengeluaran berkaitan Covid-19 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dan Pengeluaran Khas bagi membantu kelangsungan hidup ahli dalam menempuh cabaran dan impak akibat pandemik COVID-19. Kemudahan pengeluaran yang terbuka kepada ahli di bawah umur 55 tahun ini telah memanfaatkan seramai 8.1 juta ahli atau 62% daripada 13.1 juta ahli yang layak. Mereka telah membuat sekurang-kurangnya satu pengeluaran daripada empat kemudahan pengeluaran yang disediakan melibatkan jumlah pengeluaran keseluruhan bernilai RM145 bilion.

Secara amnya, keempat-empat pengeluaran ini secara langsung telah dapat membantu ahli yang terjejas dari segi pekerjaan dan pendapatan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup bagi suatu

tempoh yang terhad tertakluk kepada baki simpanan KWSP masing-masing.

### Pendirian Kerajaan Terhadap Pengeluaran Wang KWSP

Kesemua pengeluaran khas berkaitan Covid-19 oleh KWSP ini adalah pengeluaran pra-persaraan yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini dan tidak termaktub di dalam Akta KWSP. Ianya tidak selari dengan objektif penubuhan KWSP dan hanya dilaksanakan sebagai langkah jangka masa pendek dan bersifat sementara disebabkan oleh keadaan dan situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Implikasi pengeluaran berkaitan Covid-19 ini khususnya pengeluaran daripada Akaun 1 telah memberikan kesan jangka panjang iaitu pengurangan jumlah simpanan persaraan yang ketara kepada ahli-ahli yang terlibat. Sehingga 31 Disember 2022, seramai 6.7 juta ahli atau 51% daripada keseluruhan ahli KWSP di bawah umur 55 tahun hanya mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10 ribu di dalam akaun KWSP selepas pengeluaran berkenaan. Amaun ini menyebabkan ahli memperolehi pendapatan persaraan yang kurang daripada RM42 sebulan untuk tempoh 20 tahun.

Selain itu, keempat-empat pengeluaran khas ini telah menyebabkan penurunan yang ketara dalam peratusan ahli aktif yang mencapai Simpanan Asas (RM240 ribu pada usia 55 tahun) daripada 36% pada tahun 2020 kepada 29% pada akhir tahun 2022. Situasi ini secara langsung menunjukkan bahawa 71%, atau lebih dua pertiga daripada ahli aktif mencarum berumur 55 tahun dan ke bawah berada dalam situasi yang serius di mana jumlah dana mereka tidak cukup untuk bersara melebihi paras kemiskinan. KWSP menganggarkan ahli perlu bekerja antara 4 sehingga 6 tahun tambahan untuk membina semula simpanan yang telah dikeluarkan semasa pandemik.

Sehubungan itu, sebarang pengeluaran tambahan baharu sama ada secara bersasar ataupun terbuka akan memburukkan lagi isu ketidakcukupan simpanan persaraan yang kini telahpun berada dalam tahap yang amat membimbangkan. Isu ketidakcukupan simpanan KWSP

ini perlu diberi perhatian yang serius ketika negara kini sedang menginjak ke arah status negara tua kerana ianya bakal memberi impak yang amat besar kepada negara dan rakyat, terutamanya dari segi ekonomi, produktiviti, kesejahteraan sosial, kualiti hidup dan kesihatan.

Di samping itu, pengeluaran tambahan baharu memerlukan KWSP untuk menyediakan aliran tunai bagi menampung amaun pengeluaran yang besar tersebut. KWSP perlu mengambil langkah-langkah pengimbangan portfolio dengan mengambilkira pegangan tunai semasa, kecairan dan kematangan pegangan instrumen-instrumen berpendapatan tetap selain memperlakukan aktiviti pelaburan domestik. Ini menyebabkankekangan bagi penyertaan ke dalam peluang-peluang pelaburan baharu dan akan memberikan kesan secara langsung dari segi kehilangan potensi pulangan jangka masa panjang yang turut menjelaskan peluang bagi menjana pendapatan untuk tujuan pembayaran dividen kepada ahli pada masa hadapan.

Tambahan pula, indikator-indikator ekonomi telah menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi semakin pulih dengan perniagaan yang telah mula beroperasi sepenuhnya dan sebahagian besar pekerja telah kembali bekerja untuk menjana pendapatan. Ini boleh dilihat daripada statistik KWSP yang menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi bilangan ahli dan majikan yang aktif mencarum, pendaftaran ahli dan majikan baharu serta jumlah caruman setakat Disember 2022 seperti berikut:-

- i. Bilangan ahli aktif KWSP menunjukkan peningkatan sebanyak 9% kepada 8.39 juta berbanding 7.69 juta pada bulan Disember 2021;
- ii. Bilangan majikan aktif juga menunjukkan peningkatan sebanyak 7% kepada 588,714 berbanding 550,825 pada tahun sebelumnya; dan
- iii. Berbanding tahun 2021, pendaftaran ahli dan majikan baharu pada tahun 2022 telah meningkat daripada 421,643 kepada

635,989 untuk ahli baharu dan 72,518 kepada 93,669 bagi majikan baharu.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, Kerajaan berpandangan bahawa pengeluaran simpanan KWSP, sama ada secara terbuka atau bersasar bukanlah penyelesaian jangka panjang kepada beban kewangan ahli yang semakin meningkat. Sebaliknya, sistem perlindungan sosial perlu diperkuatkan bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai perlindungan apabila berlaku perkara yang tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Sebagai salah satu institusi keselamatan sosial yang besar di negara ini, KWSP perlu berkerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam membina dan memperkuatkan sistem perlindungan sosial yang menyeluruh dan mampan bagi kesejahteraan rakyat Malaysia.

**Strategi dan langkah-langkah untuk meningkatkan semula simpanan yang terjejas**

Dalam usaha membantu ahli membina semula simpanan yang telah dikeluarkan, KWSP menyediakan pelbagai insentif, kemudahan dan perkhidmatan untuk menggalakkan ahli mencarum ke dalam KWSP.

Bagi memudahkan ahli meningkatkan semula simpanan, KWSP telah memperkenalkan beberapa insentif dan perkhidmatan, antaranya:

- Program i-Saraan: Diperkenalkan untuk ahli yang bekerja sendiri, tiada pendapatan tetap atau di luar tenaga buruh seperti suri rumah yang berumur di bawah 60 tahun. Kerajaan memberikan sumbangan sebanyak 15% daripada jumlah caruman atau sehingga RM250 setahun.
- Program i-Suri: Diperkenalkan bagi menggalakkan wanita daripada isi rumah berpendapatan rendah, berumur di bawah 55 tahun dan berdaftar di bawah pangkalan data eKasih untuk menyimpan demi hari tua mereka. Di bawah program ini, ahli yang mencarum sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun adalah layak untuk menerima insentif daripada Kerajaan sebanyak

## NO SOALAN :55

RM40 sebulan atau RM480 setahun ke dalam akaun KWSP mereka. (Nota: Penerusan program untuk tahun 2023 dan seterusnya adalah tertakluk kepada Bajet 2023 yang akan diumumkan oleh Kerajaan kelak).

- Bayaran Caruman Sukarela: Fungsi baharu yang menyediakan kemudahan kepada ahli membuat bayaran caruman sukarela kepada akaun sendiri, pasangan, ibu bapa dan anak-anak yang merupakan ahli KWSP pada bila-bila masa mulai Julai 2022 melalui aplikasi i-Akaun ahli secara atas talian.
- Kempen ‘Jom Tambah’: Diperkenalkan mulai bulan Januari 2023 yang lalu bagi merancakkan lagi promosi caruman sukarela ke seluruh negara.
- *Retirement Advisory Service (RAS)*: Memberi khidmat nasihat dan rundingan secara percuma mengenai perancangan kewangan dan persaraan terbuka kepada ahli dan bukan ahli di cawangan-cawangan KWSP di seluruh negara.
- Belanjawanku: Satu panduan perbelanjaan minimum bulanan mengikut pelbagai kategori isi rumah di bandar utama di semua negeri. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga.

Sekian, terima kasih.